

Pemimpin politik veteran dinasihati jangan takut dengan perubahan

UM 19 OCT 2003
KUALA LUMPUR 18 Okt. — Bekas Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik menasihati semua pemimpin termasuk pemimpin parti politik supaya tidak merasa takut dengan perubahan kerana ia adalah satu proses yang dinamik.

Katanya, jika pada satu ketika muncul barisan pelapis yang berkali-ber maka pemimpin-pemimpin yang sedia ada tidak perlulah berasa bimbang dengan perubahan kerana dunia sendiri terus berubah.

Tegasnya lagi, anggaplah perubahan itu sebagai rakan dan jangan sesekali bermusuhan dengannya disebabkan ia adalah sebahagian daripada kehidupan manusia.

“Bagi saya ada tiga syarat utama yang perlu dipenuhi iaitu menyelesaikan masalah peralihan kuasa dengan sempurna, kedua, mempunyai pengganti yang berwibawa dan ketiga, partinya hendaklah stabil selepas pengundurannya.

“Apabila ketiga-tiga syarat ini dapat dipenuhi maka eloklah untuk seseorang pemimpin itu memberi laluan kepada muka baru dan inilah juga yang telah saya lakukan,” katanya.

Beliau menyatakan demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Penyampaian Sijil Penerimaan Masuk Menjadi Ahli Persatuan Akauntan Bertauliah dan Bersekutu (ACCA) ke-25.

Ini adalah reaksi pertama beliau terhadap kenyataan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang meminta ahli-ahli politik veteran dalam Barisan Nasional (BN) supaya berundur dan memberi laluan kepada muka-muka baru.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN berkata, mereka perlu memberi peluang kepada muka-muka baru dan juga harus membantu berkempen bagi menjamin kemenangan calon-calon baru dalam pilihan raya umum akan datang.

Liong Sik yang melepaskan jawatannya kepada Datuk Seri Ong Ka Ting pada Mei lalu dianggap sebagai perbandingan terbaik dalam soal kesanggupan memberi laluan kepada muka baru jika dibandingkan dengan beberapa parti komponen BN yang lain.

Ini kerana di dalam BN ada sesetengah pemimpin yang telah menerajui lebih lama dari Dr. Mahathir sendiri tetapi masih belum mahu berundur.

Menurut Liong Sik, beliau percaya terdapat banyak pemimpin BN yang berhasrat untuk bersara dan mereka mungkin sedang berusaha untuk memenuhi syarat seperti yang beliau nyatakan.

“Apabila syarat-syarat tersebut dapat disempurnakan maka ia adalah masa yang tepat untuk berundur.

“Bagaimanapun ini terpulanglah kepada mereka,” ujarinya.

Dalam pada itu, Liong Sik enggan mengulas lanjut ketika diminta memberi pandangan peribadi mengenai segelintir pemimpin parti komponen BN yang berkuasa sehingga ada yang lebih lama dari Dr. Mahathir.